



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun **5** 年級

国文

Bahasa Melayu

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

- Ditulis mengikut format **UASA** Ujian Akhir Sesi Akademik terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

UASA**Ujian Akhir Sesi Akademik****50****BAHAGIAN A****[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

1. Adik Sin Ying yang berumur enam bulan itu tidak dapat _____ makanan yang keras kerana giginya belum tumbuh.
 - A menggigit
 - B menelan
 - C mengisar
 - D mengunyah

2. Vimala digelar _____ oleh rakan-rakannya kerana dia sering membaca buku di perpustakaan pada waktu rehat.
 - A adu buku
 - B ulat bulu
 - C ulat buku
 - D hati batu

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

3.
 - A Datuk menasihati adik agar saling menghormati di antara rakan-rakan di kelas.
 - B Nenek membeli sehelai baju baharu yang diperbuat dari kain sutera kepada Farhana.
 - C Jun Ji mengunjung ke rumah Zali yang terletak tidak jauh daripada rumah neneknya.
 - D Ayah menyediakan pelbagai makanan seperti nasi lemak, rendang ayam dan kari ikan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum. Kita hidup secara aman dan damai walaupun berbeza daripada aspek latar belakang, budaya, kepercayaan dan agama. Perpaduan antara kaum merupakan unsur terpenting dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat. Perpaduan di sesebuah negara dapat membangunkan ekonomi, sosial dan politik negara.

Oleh itu, semua rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk membentuk perpaduan. Dengan itu, kita mestilah menghormati perbezaan budaya setiap kaum. Kita juga wajar menguasai bahasa Melayu supaya dapat berkomunikasi dengan baik sesama ahli masyarakat. Akhir sekali, kita perlu meraikan perayaan kaum-kaum di Malaysia bersama-sama seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Hari Deepavali dan sebagainya.

4. Apakah unsur terpenting dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat?
 - A Berkomunikasi dengan baiknya
 - B Meraikan perayaan kaum Malaysia
 - C Perpaduan antara kaum di Malaysia
 - D Pembangunan ekonomi, sosial dan politik
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Kewujudan perpaduan dapat menjejaskan pembangunan ekonomi negara.
 - B Penglibatan dalam perayaan kaum tidak dapat memupuk semangat perpaduan.
 - C Bahasa Melayu mampu mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam masyarakat.
 - D Rakyat Malaysia bersikap tidak bertanggungjawab dalam memupuk perpaduan.
6. Pernyataan berikut adalah benar mengenai petikan *kecuali*
 - A Pembangunan negara dapat dicapai jika masyarakat hidup bersatu padu.
 - B Masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama.
 - C Penguasaan bahasa Melayu membantu melahirkan perpaduan dalam masyarakat.
 - D Hanya sebahagian rakyat Malaysia perlu bertanggungjawab memupuk perpaduan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Cikgu Jeff telah mengedarkan risalah berkaitan Pameran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) 202_ kepada murid-murid 5S. Beliau berpesan agar murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam pameran ini. Murid-murid tertarik dengan program yang *hebat* yang akan diadakan sepanjang pameran tersebut. Mereka tidak sabar untuk memohon kebenaran ibu dan bapa bagi menyertai program ini selepas balik ke rumah.

Untuk menolong murid-murid menyakinkan ibu dan bapa mereka, Cikgu Jeff juga berkongsi faedah menyertai pameran tersebut kepada murid-murid. Antaranya, program ini dapat mengasah bakat murid, kemahiran komunikasi, membangunkan kemahiran berfikir secara kritis dan memupuk minat murid dalam bidang sains dan teknologi.

BAHAN 2




**PAMERAN SAINS, TEKNOLOGI,
KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM) 202_**

Tarikh: 4/1/202_ hingga 10/1/202_
Masa: 10:00 pagi hingga 6:00 petang
Tempat: Dewan Besar Universiti Sains Malaysia
Anjuran: Kelab STEM Universiti Sains Malaysia

Aktiviti-aktiviti *hebat* sedang menanti anda:

- Makmal Sains Mini
- Penerokaan Ruang Angkasa
- Pembinaan Jambatan dengan Spageti
- Pertandingan Robotik
- Eksperimen Kimia Menarik



UNTUK MAKLUMAT LANJUT, sila layari www.usm.com.pameranstem202_

7. Murid-murid dinasihati oleh Cikgu Jeff untuk melibatkan diri dalam

- A Pameran STEM 202_.
- B Pertandingan Robotik.
- C Eksperimen Kimia Menarik.
- D Pembinaan Jambatan dengan Spageti.

8. Cikgu Jeff telah mengedarkan risalah berkaitan Pameran Pameran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) 202_ kepada murid-murid 5S.

Penjodoh bilangan yang sesuai untuk perkataan yang bergaris di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C batang.
- D orang.

9. Perkataan *hebat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh diganti dengan

- A takjub.
- B unggul.
- C lembab.
- D tumpul.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Pameran ini berlangsung selama tujuh hari.
- B Murid-murid boleh mengunjungi pameran ini pada waktu malam.
- C Pameran ini kurang membantu murid dalam peningkatan kemahiran komunikasi.
- D Terdapat enam aktiviti yang dapat disertai oleh murid-murid sepanjang pameran.

BAHAGIAN B

[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Apa yang perlu kita bawa untuk percutian esok, ayah?” Adelia bertanya.

“Kita perlu membawa baju sejuk kerana cuaca di Cameron Highlands sangat sejuk,” ayah menjawab kepada Adelia.

“Saya dan ibu juga akan menyediakan makanan ringan untuk perjalanan dan membawa kamera untuk mengambil gambar,” kata Adelia.

“Sebelum bertolak, ayah akan memeriksa keadaan kereta terlebih dahulu agar keselamatan perjalanan kita terjamin,” kata ayah .

“Bahagian manakah yang perlu ayah periksa?” tanya Adelia lagi.

“Ayah perlu memeriksa bahagian minyak enjin, tekanan tayar, air radiator dan lampu-lampu kereta sebelum bertolak,” jawab ayah.

“Baik, ayah. Saya berasa sangat teruja untuk lawatan esok,” kata Adelia.

“Mari kita berehat, Adelia. Kita perlu tidur awal supaya dapat bangun awal pada esok hari,” kata ayah.

- I. (a) Ayah berpesan agar Adelia membawa _____ kerana cuaca sejuk di Cameron Highlands.

[1 markah]

- (b) Apakah bahagian kereta yang perlu diperiksa oleh ayah Adelia sebelum memulakan perjalanan?

[2 markah]

- (c) *Bulatkan satu kata kerja berimbuhan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

“Mari kita berehat, Adelia. Kita perlu tidur awal supaya dapat bangun awal pada esok hari,” kata ayah.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Saya dan ibu juga akan menyediakan makanan ringan untuk perjalanan dan membawa kamera untuk mengambil gambar,” kata Adelia.

Adelia berpesan kepada ayah dan ibunya agar membawa kamera untuk mengambil gambar dan menyediakan makanan ringan untuk perjalanan ke Cameron Highlands.	
Adelia memberitahu kepada ayah bahawa dia dan ibu akan menyediakan makanan ringan untuk perjalanan ke Cameron Highlands dan membawa kamera untuk mengambil gambar.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Semasa waktu rehat, kamu mendapati kawan baik kamu sedang menconteng dinding di dalam kelas. Dia telah menuliskan perkataan yang tidak sopan pada dinding di belakang kelas. Selepas itu, dia juga merayu kepada kamu supaya tidak memberitahu kepada sesiapa di sekolah.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

BAHAGIAN C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang amalan menabung.

Tuliskan pendapat kamu tentang kepentingan amalan menabung.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjang jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



[10 markah]

BAHAGIAN D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI



1. Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis satu catatan berdasarkan gambar di atas.
